

JURNAL ANTARABANGSA PENGAJIAN KEPULAUAN MELAYU JIL. 6 BIL. 01 (2026)  
*INTERNATIONAL JOURNAL OF MELAYU ARCHIPELAGO STUDIES*



---

PANGLIMA SADAM WIRA SARAWAK YANG TIDAK DIDENDANGKAN

*PANGLIMA SADAM AS THE UNSUNG HERO OF SARAWAK*

*Profesor Madya Dr. Roslan bin Ali<sup>1</sup>*  
*Dr. Zuraini binti Seruji<sup>2</sup>*  
*Dr. Monaliza binti Sarbini<sup>3</sup>*  
*Puan Minah binti Mohammed Salleh<sup>4</sup>*  
*Mohamad Shazani bin Dewek<sup>5</sup>*

<sup>12345</sup> *Universiti Malaysia Sarawak*

*Corresponding author: mohamadshazani31@gmail.com*

**ABSTRAK**

Makalah ini membincangkan sosok seorang pejuang Melayu Sarawak yang tidak pernah didendangkan akan kisah perjuangannya dalam sejarah negeri Sarawak. Kajian ini memanfaatkan hasil temu bual sepenuhnya secara tidak berstruktur melalui analisis kandungan. Menerusi penulisan ini, penulis mengetengahkan kisah perjuangan Panglima Sadam menggunakan kelincahan dan ilmu kepahlawanannya membantu James Brooke memperjuangkan tanah Sarawak. Beliau bergiat aktif dalam menghancurluluhkan semangat juang pahlawan-pahlawan dari suku kaum Dayak Laut pada abad ke-19 di sekitar kawasan Kuching, Samarahan, Sadong dan Bau. Keperwiraan beliau ini amatlah terserlah pada zaman pemerintahan James Brooke yang memangku posisi sebagai Rajah Putih Sarawak I dan Panglima Sadam dilantik sebagai Datuk Panglima. Penulis menceritakan khidmat bakti Panglima Sadam bersama dengan Panglima Bujang dan Panglima Seman dalam usaha membanteras kegiatan lanun dan perhambaan sekitar 183 tahun yang lampau.

**Kata Kunci:** *Sarawak, Panglima Sadam, James Brooke, Datuk Panglima, lanun*

## **ABSTRACT**

*This paper discusses Sarawakian warriors whose stories of struggle have not been sung in the history of Sarawak. This study utilizes the results of interviews in an unstructured manner as content analysis. Through this writing, the author highlights the story of Panglima Sadam's struggle using his agility and warrior knowledge in helping James Brooke fight for Sarawak land. He was active in crushing the fighting spirit of warriors from the Dayak Laut tribe in the 19th century in the areas of Kuching, Samarahan, Sadong, Bau, and other areas of Sarawak. His heroism was particularly evident during the reign of James Brooke as the acting First Rajah Putih Sarawak and Panglima Sadam was appointed as Datuk Panglima. The author recounts the service of Panglima Sadam together with Panglima Bujang and Panglima Seman in combating piracy and slavery around 183 years ago.*

**Keywords:** Sarawak, Panglima Sadam, James Brooke, Datuk Panglima, pirates

## **PENGENALAN**

Sosok Panglima Seman, dikenali oleh masyarakat Sarawak. Namun hampir tidak ada yang mengenali seorang lagi tokoh iaitu Panglima Sadam, nama seorang wira perkasa yang begitu asing bagi pengetahuan kebanyakan rakyat di Sarawak<sup>1</sup>. Nama tersebut dikatakan pernah menggerunkan pahlawan-pahlawan dari suku Dayak Laut pada abad ke-19 dahulukala kerana kehandalan dan ilmu kesaktian yang dimilikinya. Ketokohan dan kewibawaan Panglima Sadam dihormati oleh masyarakat Melayu dan Dayak sekitar Kuching, Samarahan, Sadong dan Bau. Keperwiraan beliau terserlah pada zaman pemerintahan James Brooke sebagai Rajah Putih Sarawak Pertama sehingga pada usia 30-an. Menurut Saimi Bujang et al., (2022), kedatangan James Brooke adalah pada tahun 1839 dan mendapat gelaran Rajah Sarawak sekitar tahun 1941.

Panglima Sadam telah dilantik sebagai Datuk Panglima setelah berjaya menumpaskan kegiatan pelanunan di perairan Sungai Sarawak dan kegiatan penghambaan serta pemerdagangan manusia yang berleluasa pada ketika itu. Masyarakat Melayu Sarawak dahulu gemar menceritakan kisah kegagahan Panglima Sadam kepada anak-anak mereka. Antara yang dikongsi ialah Panglima Sadam merupakan seorang pahlawan Melayu yang gagah perkasa dan memiliki ilmu kesaktian.

Menurut cerita lisan, Panglima Sadam pernah mengangkat senjata berat yang diperoleh daripada angkatan laut British iaitu meriam-meriam besi. Meriam besi beratnya hampir satu tan, tetapi dengan mudah sahaja dapat dibimbit dengan dua jari oleh Datuk Panglima Sadam. Begitulah diceritakan ilmu gagah Datuk Panglima Sadam sebagai pahlawan Melayu perkasa pada zaman pemerintahan James Brooke. Jasa beliau ialah membanteras kegiatan pelanunan dan pemerdagangan hamba yang berleluasa pada zaman Kesultanan Brunei. Bukan itu sahaja, Panglima Sadam juga merupakan ketua kepada Panglima-panglima *Urang Laut* iaitu orang Melayu yang berketurunan Minangkabau di Sarawak.

Dikisahkan juga bahawa nama Panglima Sadam, Panglima Bujang dan Panglima Seman terbilang serta digeruni oleh sekalian pahlawan-pahlawan suku Dayak Laut sekitar 183 tahun yang lampau. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka bertiga merupakan

---

<sup>1</sup> Data-data berkaitan Panglima Sadam dalam penelitian yang akan dibincangkan, diperoleh daripada temu bual bersama tujuh orang informan.

pemimpin hulubalang-hulubalang Melayu keturunan Minangkabau yang berani membanteras kegiatan pemburuan kepala yang dilakukan oleh pahlawan-pahlawan suku Dayak Laut yang terkenal dengan kebengisan dan keganasan mereka. Ketiga-tiga panglima ini berjasa dan berbakti dalam sejarah Sarawak kerana kegagahan mereka. Menurut catatan yang dipetik daripada informan-informan<sup>2</sup> yang merupakan cucu piut kepada keturunan atau jalur Panglima Sadam, salasilah keturunan beliau bukanlah dari calang-calang orang melainkan dari keturunan bangsawan Minangkabau. Bahkan, para pewaris keturunan beliau juga sebenarnya telah mencatat nama-nama besar dalam salasilah keluarga sejak dari dahulu lagi.

Sosok tubuh insan hebat yang digelar “Panglima Sadam” atau nama sebenar, Raden Muhammad Sadam bin Raden Salim ini dilahirkan pada tahun 1812 bersamaan dengan tahun 1228 hijriah di Kampung Jaie, Santubong. Beliau merupakan cucunda kepada Datuk Haji Ibrahim iaitu seorang pahlawan Pagaruyung Minangkabau yang sakti.

Ayah kepada Panglima Sadam pula bernama Datu Paduka Salim atau juga dikenali sebagai Raden Salim. Manakala ibunya pula bernama Dang Naemah ataupun Raden Naimah. Dikisahkan bahawa ayahnya merupakan antara hulubalang terkenal di Kerajaan Santubong, manakala ibunya juga berketurunan bangsawan. Hasil perkahwinan mereka berdua dikurniakan dengan sembilan orang cahaya mata yang bernama Sadam, Muhammad, Daud, Saleh, Abdul Hamid, Abdul Baki, Yaakub, Ayub dan Ahmad. Panglima Sadam, Ayub dan Ahmad menetap di *Serak* yang kini dikenali sebagai Kuching. Manakala Abdul Hamid di Samarahan, Yaakub di Saribas, Muhammad dan Abdul Baki pula di Sibul.

Panglima Sadam telah mendirikan rumah tangga dengan seorang wanita yang bernama Dang Fatimah, namun dalam perkahwinan tersebut mereka berdua tidak memperoleh zuriat. Setelah itu, beliau mendirikan rumah tangga yang kedua dengan Dang Saptuyah yang merupakan isteri kedua Panglima Sadam. Melalui perkahwinannya yang kedua ini, beliau telah memperoleh seorang anak lelaki yang diberi nama “*Bujang*”. Justeru, kerana ingin mempunyai keluarga yang besar, Panglima Sadam juga telah mengambil anak saudaranya iaitu Halim dan Ahmad sebagai anak angkat beliau. Berdasarkan penelitian terhadap sumber lisan dan ingatan komuniti, Panglima Sadam dapat dianggap sebagai tokoh yang wujud dalam tradisi sejarah tempatan, sebagaimana halnya dengan Panglima Seman. Kewujudan beliau diperkuat melalui kesaksian informan, salasilah keturunan dan memori kolektif masyarakat setempat. Beliau sebenarnya ialah guru kepada Panglima Seman merangkap bapa saudaranya. Kebiasannya, dalam gelanggang persilatan, Panglima Seman selalu bergandingan dengan Panglima Bujang yang sebaya umur dengan beliau. Setelah Panglima Bujang meningkat dewasa, beliau telah dijodohkan dengan seorang gadis bernama Dang Aisyah.

Berdasarkan sumber lisan informan serta rujukan kepada sebuah dokumen sejarah yang belum diterbitkan, Panglima Sadam dikatakan mempelajari ilmu silat kunto daripada kedua-dua orang datuknya, iaitu Datuk Haji Ibrahim bin Musa dan Datuk Haji Yaakub bin Musa. Menurut tradisi lisan yang diwarisi oleh keturunan beliau, ilmu Kunto Tua Melayu Sarawak dipercayai mempunyai hubungan asal-usul dengan panglima-panglima Cina Muslim dari Tanah Besar China Selatan, khususnya dari wilayah Kwangtung atau Guangdong. Perkara ini dikatakan telah disampaikan sendiri oleh Panglima Sadam kepada cucu-cicitnya sebagai sebahagian daripada naratif asal-usul ilmu persilatan tersebut.

---

<sup>2</sup> Temu bual dijalankan pada 10 Mei 2025.

Berdasarkan temu bual, dikatakan bahawa di Tanah Besar China, penduduk Cina Muslimnya dikenali sebagai *Hui-Hui* atau *Hwei Hwei* atau *Ta-Shih*. Semasa zaman pemerintahan Dinasti Ming yang diperintah oleh Cheng Chu iaitu Maharaja Yung Lo, dikatakan dalam sejarah bahawa Pahlawan Cina Muslim yang termasyhur ialah Laksamana Syed Muhammad Ma Ho atau lebih dikenali sebagai Laksamana Cheng Ho dalam sejarah Melaka.

Beliau merupakan seorang Cina Muslim yang berbangsa Hokkien di Yunan. Pada masa muda Laksamana Cheng Ho telah ditawan oleh Keluarga Ming dan diserahkan kepada Cheng Chu. Beliau telah berkhidmat dengan Cheng Chu sehingga ditukar nama kepada *Putera Cheng Ho*.

**Latar Belakang Keluarga Panglima Sadam**

Panglima Sadam merupakan anak sulung kepada sembilan orang adik beradik yang merupakan hasil zuriat Datu Paduka Salim, iaitu ayah Panglima Sadam dan isterinya Dang Naemah, ibu kepada Panglima Sadam.

**Rajah 1** Salasilah Keturunan Panglima Sadam




Sumber: Temu Bual bersama informan (2025)

Panglima Sadam atau Raden Muhammad Sadam bin Raden Salim merupakan anak sulung kepada Datu Paduka Salim atau Raden Salim dan Dang Naemah juga dikenali sebagai Raden Na'imah. Datuk Paduka Salim merupakan antara hulubalang yang terkenal di Kerajaan Santubong manakala Ibunya juga berketurunan bangsawan dari istana.

Datu Paduka Salim dan Dang Naemah juga telah melahirkan sembilan orang anak lelaki yang terdiri daripada Panglima Sadam sendiri, Panglima Muhammad, Panglima Saleh, Panglima Daud, Panglima Amit, Panglima Baki, Panglima Yaakub, Panglima Ayub dan Panglima Ahmad.

**Rajah 2** Salasilah adik beradik Panglima Sadam



Sumber: Temu Bual bersama informan (10 Mei, 2025)

Panglima Yaakub iaitu adik beradik kepada Panglima Sadam turut dikatakan pernah menggalas tugas sebagai orang kanan Panglima Sadam. Namun begitu, tidak banyak maklumat yang diperolehi mengenai Panglima Yaakub. Berbalik kepada salasilah keluarga Panglima Sadam, beliau mendirikan rumah tangga pertamanya dengan Dang Fatimah tetapi rezeki untuk mempunyai zuriat tidak menyebelahi mereka. Panglima Sadam seterusnya mendirikan rumah tangga dengan isteri keduanya iaitu Dang Saptuyah dan dikurniakan seorang anak lelaki bernama Panglima Bujang.

### ***Kampung Panglima Sadam***

Menurut cerita lisan informan, Kampung Boyan suatu sebelumnya dikenali dengan nama Kampung Panglima Sadam iaitu pada zaman pemerintahan James Brooke tahun 1841-1868. Kampung tersebut dinamakan “Kampung Panglima Sadam” sebagai mengenang jasa bakti Panglima Sadam yang telah berjaya membunuh ketua para lanun di sepanjang Sungai Sarawak dan perairan Labuan iaitu Panglima Maut. Sumbangan tersebut menyebabkan keamanan di *Serak* iaitu nama asal Kuching pada masa itu menjadi tenteram dan terkawal keselamatannya.

Kegiatan pelanunan dan penjualan hamba-hamba abdi berleluasa pada zaman pemerintahan Rajah Putih James Brooke kerana ditaja khusus oleh Pangiran Indera Mahkota Muhammad Saleh dan pembesar-pembesar lantikan wakil Kesultanan Brunei yang marah kerana telah dilucutkan jawatan demi untuk melemahkan pemerintahan James Brooke.

Nama Kampung Panglima Sadam telah bertukar menjadi nama “*Kampung Boyan*” pada tahun 1884 apabila telah berlaku suatu kebakaran besar di Pasar *Cochin* (Kuching) di Jalan *Carpenter* yang telah memusnahkan lebih kurang 100 buah kedai papan. Susulan daripada kejadian kebakaran itulah maka Charles Vyner Brooke selaku Rajah Putih Sarawak Kedua telah membina semula Pasar Baru *Cochin* menggunakan batu bata serta memindahkan sementara pekerja-pekerja estet getah dari Boyan<sup>3</sup>, Gersik<sup>4</sup>, Sourabaya<sup>5</sup> ke Kampung Seberang iaitu Kampung Panglima Sadam.

Rentetan daripada peristiwa kebakaran itu juga maka penduduk Kampung Panglima Sadam menggelar Pasar Chocin Lama sebagai *Kampung Pasa Angus*. Sekiranya masyarakat menyebut Kampung Panglima Seman, terdapat kisah disebalik nama Kampung tersebut.

### ***Misi Panglima Sadam Membasmi Kegiatan Lanun***

Kepimpinan Panglima Sadam dalam memimpin angkatan perang tempatan merupakan salah satu pengaruh besar beliau sebagai salah seorang panglima. Beliau dikatakan asalnya dari Kampung Muara Tebas ini menjadi pemimpin yang dikenali sehingga hari ini sebagai tokoh Pahlawan Melayu Sarawak.

Kekuatan Panglima Sadam dikatakan digeruni oleh lanun Dayak bahkan orang bunian. Dikatakan kegagahan Panglima Sadam mampu mencabut batang pohon kelapa dengan kedua-dua belah tangannya sahaja. Beliau juga dikatakan mampu menimang tiang kayu berlian yang berukuran 8 kali 8 inci dengan panjang 20 kaki hanya menggunakan sebelah kakinya sahaja.

Perkara ini kemungkinan mustahil jika dibayangkan pada masa kini, tetapi pada zaman dahulu, setiap pahlawan mesti mempunyai ilmu sakti yang dipelajarinya atas sebab untuk keselamatan diri. Menurut cerita rakyat, meriam-meriam besi yang beratnya dianggarkan hampir mencecah satu tan dengan mudah Panglima Sadam membimbit menggunakan dua jari beliau. Buktinya, beliau bersama Panglima Bujang dan Panglima Seman dapat mengangkat meriam yang dibeli oleh James Brooke untuk memerangi kubu pertahanan Libau di Bukit Sadok.

---

<sup>3</sup> Dikatakan berasal daripada Bawean

<sup>4</sup> Dikatakan berasal daripada Kayong

<sup>5</sup> Dikatakan berasal daripada Jawa Tengah

Pada ketika era pemerintahan James Brooke, kegiatan lanun di sepanjang Sarawak berleluasa. Ancaman tersebut menyebabkan berlaku pemberontakan dan penindasan terhadap hasil bumi di Sarawak. Situasi ini mendatangkan ancaman keselamatan disebabkan golongan lanun ini merupakan pembesar dan juga pemimpin tempatan. Kelompok lanun mengambil kesempatan atas dasar keuntungan peribadi untuk mereka sahaja tanpa memikirkan nasib dan keadaan kehidupan masyarakat tempatan.

Menurut cerita lisan informan, ketika James Brooke bersama angkatan Dayak Laut yang menyokong beliau menemui Panglima Sadam, mereka dikatakan menunjukkan reaksi berhati-hati setelah melihat kewibawaan dan ketokohan Panglima Sadam. Hal ini berlaku kerana, Panglima Sadam pernah dikhabarkan digigit dan diserang buaya ketika beliau di tepi sungai. Tetapi, gigitan buaya tersebut tidak menembusi kulit bahagian paha Panglima Sadam, malahan buaya tersebut mati dan tewas akibat terkena pukulan pemberat dan pembisa tangan Panglima Sadam.

Kedatangan James Brooke menemui Panglima Sadam, adalah kerana James Brooke telah memperoleh bantuan senjata daripada pihak British. Disebabkan saiz dan berat meriam-meriam ini hampir sekitar satu tan, angkatan Dayak Laut pro-James Brooke tidak mampu mengalihkan senjata ini ke kapal perang milik angkatan British. Oleh sebab itu, lalu James Brooke menemui Panglima Sadam untuk membantu mengalih senjata ini. Panglima Sadam berhasil memindahkan senjata-senjata ini ke kapal angkatan British.

Menurut cerita lisan informan, serangan lanun-lanun Dayak Laut memasuki perkampungan orang Melayu, lanun-lanun ini mengalami kesukaran ketika hendak menyelongkar rumah-rumah dan kedai-kedai orang Melayu. Badan Lanun-lanun ini terasa berat sehinggakan tidak mampu untuk bergerak. Apabila Panglima Sadam, beliau dikatakan terus membunuh lanun-lanun ini dengan memutuskan kepala mereka. Akan tetapi, lanun-lanun ini tidak melihat sedikit pun di tubuh Panglima Sadam ketika Panglima Sadam menyerang mereka.

***Panglima Sadam bersama bersama Datu Patinggi Ali, Datu Haji Ibrahim, Panglima Bujang, Datu Haji Yaakub dan juga Panglima Seman: Kota Mukah***

Perjuangan Panglima Sadam dalam membantu James Brooke membuktikan kebijaksanaan strategi dan kekuatan beliau dengan menawan kota Mukah. Bandar Kuching dipanggil dahulunya dipanggil sebagai *Kota Serak* diketuai oleh Panglima Sadam telah dilantik sebagai Tuan Raja dalam pentadbiran baru di kota tersebut.

Pada ketika itu, beliau merupakan tulang belakang kepada James Brooke dalam pemerintahan keluarga Brooke dengan memerangi penguasaan penyamun, pemerdagangan hamba dan penguasaan lanun yang dilakukan oleh pembesar-pembesar Brunei. Dalam misi ini, Panglima Sadam telah bekerjasama dengan Datu Patinggi Ali, Datu Haji Ibrahim, Panglima Bujang, Datu Haji Yaakub dan juga Panglima Seman. Dengan bantuan kapal perang angkatan British, pembesar-pembesar Melayu dan James Brooke berjaya membasmi dan menghentikan kegiatan lanun di sepanjang pesisiran laut Sarawak. Salah satu yang menjadi tumpuan ialah Kota Mukah kerana kota tersebut kaya dengan hasil sagu. Hasil sagu pada ketika itu merupakan hasil bumi yang bernilai dan menjadi tumpuan perdagangan di Sarawak.

Pada penghujung tahun 1852, berlaku pertikaian dan perbalahan antara Pangeran Arsyad dan Pangeran Matusin yang berpunca daripada cukai dan penguatkuasaan di kawasan

kuala sungai. Hal ini menyebabkan Pangeran Arsyad mati dibunuh oleh Pangeran Matusin. Pembunuhan berkenaan seterusnya menyebabkan berlakunya perang saudara antara pengikut Pangeran Arsyad dan Pangeran Matusin. Perbalahan ini seterusnya melibatkan campur tangan James Brooke.

Dari aspek kepimpinan beliau, Panglima Sadam merupakan seorang yang gagah dan berani sehinggakan perjuangannya menjadi pencetus semangat kepada pelbagai suku kaum peribumi dalam membebaskan cengkaman penjajahan kesultanan Brunei pada ketika itu..

Selain itu, polemik posisi Panglima Sadam yang pro kepada pemerintahan James Brooke perlu dipertimbangkan dalam aspek bantuan kepada golongan Barat bukan untuk dirinya, tetapi untuk semua peribumi Sarawak. Buktinya, kegiatan lanun dan penindasan di kawasan Sungai Sarawak berjaya dibasmi. Pandangan tentang Panglima Sadam sebagai pengkhianat mempunyai sisi pandangan berbeza kerana masyarakat peribumi sendiri seperti suku Iban menyokong dan menghulurkan bantuan serta menganggotai angkatan perang Panglima Sadam.

Perjuangan Panglima Sadam merupakan penggerak kemuncak manifestasi kemarahan penduduk tempatan terhadap cengkaman kesultanan Brunei. Tindakan kesultanan Brunei seperti mengenakan cukai yang terlampau tinggi dan perhambaan yang melampau mempengaruhi masyarakat peribumi bertindak sedemikian.

Pada masa yang sama, Panglima Sadam tersinggung dan berkecil hati kerana dianggap sebagai pengkhianat disebabkan beliau bekerjasama dengan James Brooke. Namun, atas sebab membela nasib golongan rakyat yang tertindas, Panglima Sadam menjadi penggerak utama dalam membasmi cengkaman penguasaan kesultanan Brunei pada ketika itu. Dalam konteks ini, Panglima Sadam bertindak sedemikian adalah disebabkan faktor politik dan atas sebab mementingkan keamanan negara. Tanpa memikirkan perasaan dan perihal peribadi, Panglima Sadam tetap membantu dan menerima arahan James Brooke dalam memastikan keamanan negara tercapai.

### **Kejatuhan pengaruh Libau atau Rentap**

Pada 24 Julai 1849, James Brooke telah dilantik sebagai gabenor British pertama Sarawak, telah meminta pertolongan daripada Panglima Sadam untuk membantunya memerangi kegiatan para lanun Dayak Laut yang dikenali sebagai Libau anak Nangkan ataupun Rentap.

Menurut cerita lisan informan, pertempuran pada 31 Julai 1849, merupakan pertempuran terbesar dalam pada era kolonial Broke yang membabitkan sekitar 500 pengikut Rentap tewas. Dalam serangan tersebut, terdapat 20 buah rumah panjang di perkampungan Skrang telah ditakluki dan seterusnya dibakar. Tindakan ini menyebabkan Rentap dan pengikutnya yang masih hidup menyelamatkan diri serta berkubu di Sungai Lang. Walaupun serangan ini telah menghadkan pengaruh Rentap, tetapi serangan ini masih belum berjaya sepenuhnya kerana mereka tidak berjaya menangkap Rentap yang terlebih dahulu melarikan diri ke Bukit Sadok.

Serangan ini tidak terhenti begitu sahaja kerana James Brooke sekali lagi menghantar anak Saudaranya Sir Charles Brooke, Panglima Seman, Panglima Bujang diikuti hulubalang Melayu yang lain untuk menyerang kubu pertahanan Rentap di Bukit Sadok. Serangan yang kedua ini disertai oleh 500 hulubalang Melayu dan 3,000 pahlawan Iban dan akhirnya berjaya memusnahkan kubu pertahanan Rentap. Namun pasukan Broke gagal menangkap Rentap

serta pengikutnya. Hal ini juga disebabkan oleh meriam kerabat Rentap yang dinamakan *Bujang Timpang Berang* yang telah melambatkan serangan Charles Brooke.

Ekspedisi kedua ini menyebabkan Rentap semakin meraih populariti kerana dikatakan berjaya menggagalkan rancangan Charles Brooke. Namun begitu, kegagalan ini belum lagi dapat mematahkan semangat James Brooke untuk mendapatkan Rentap dan menghapuskan kegiatannya. Sekitar tahun 1861, James Brooke sekali lagi dibantu oleh Panglima Sadam serta hulubalang-hulubalang menyerang kubu pertahanan Rentap di Bukit Sadok. Serangan ketiga ini melibatkan Panglima Sadam, Panglima Bujang. Panglima Seman memikul meriam-meriam yang dianggarkan beratnya satu tan yang dinamakan Bujang-bujang Sadok. Meriam ini merupakan meriam yang dibeli oleh James Brooke daripada angkatan laut British untuk menghapuskan kubu pertahanan Rentap.

Menurut cerita lisan informan, dalam serangan yang saling berbalas meriam itu, akhirnya Rentap berjaya ditumpaskan oleh angkatan Panglima Sadam dan peristiwa ini dikatakan menjadikan Libau digelar sebagai *Rentap* yang bermaksud “*Roboh*” dalam Dialek Melayu Sarawak. James Brooke telah mengarahkan angkatan perang yang bersamanya membakar semua kubu pertahanan Libau di Bukit Sadok. “*Rentap*” dikatakan akhir menjadi nama ejekan yang ditujukan kepada Libau. Semenjak dari kekalahan tersebut, beliau dan pengikutnya berundur ke Bukit Lajak ataupun dikenali sebagai Entabai. Menurut cerita lisan informan, Rentap cuba untuk melakukan serangan balas terhadap British, tetapi kecacatan kekal dan luka parah telah membatasi pergerakan mereka. Rentap telah menghembus nafas terakhirnya pada usia 70 tahun. Pada zaman dahulu, dikatakan

Menurut cerita lisan informan, antara keahliannya beliau dalam seni pertempuran ialah memenangi pertarungan dengan Panglima Maut sehingga berjaya memotong jari Panglima Maut sebelum membunuhnya. Lanun-lanun Dayak ini juga turut ditumpaskan oleh Panglima Sadam sendiri di Rumah Panjang Undup.

#### ***Panglima Kulow Mendapat Bantuan Panglima Sadam***

Menurut cerita lisan informan, antara salah satu perjuangan Panglima Sadam sebagai wira tempur ialah sebagai pahlawan yang membantu Panglima Kulow dalam memerangi masyarakatnya daripada ditindas golongan penyamun.

Panglima Kulow berasal daripada etnik Panglima Bidayuh Jagoi. Beliau merupakan panglima dan pemimpin masyarakatnya yang mendiami kawasan pergunungan Bung Bratak. Kawasan Bung Bratak ini merupakan kawasan kediaman yang aman damai dan dilimpahi dengan kekayaan hasil bumi. Bung Bratak ini merupakan kawasan penempatan asal nenek moyang suku dayak Bidayuh Jagoi yang dikatakan berasal dari Gunung Sungkong, Kalimantan Indonesia.

Pada 1 Mei 1838 berlaku sejarah hitam bagi masyarakat Bidayuh Jagoi yang mendiami kawasan Bung Bratak kerana mereka telah diserang oleh sekumpulan Lanun Dayak Laut Skrang. Lanun ini diketuai oleh Ketua Kayau iaitu Panglima Bagat. Panglima Bagat disertai oleh 70 orang ahli tenteranya ataupun pasukan pengayaunya menyerang Dayak Bidayu Jagoi di Bung Bratak.

Dalam serangan ini, Panglima Bagat dan anak tenteranya telah melakukan serangan mengejut dengan membakar rumah panjang di sekitar perkampungan yang tenang dan aman. Pada ketika itu, pahlawan dan panglima yang bertanggungjawab menjaga kawasan

perkampungan Bung Bratak ini berada di kawasan luar kampung. Dalam serangan ini, tujuh rumah tradisional masyarakat Bidayuh (*Barok*) dan tempat menyimpan padi (*Bangsai*) telah dimusnahkan. Pertempuran tersebut sekali gus memusnahkan tempat kediaman dan punca makanan harian masyarakat Bidayuh Jagoi di Bidayuh Jagoi.

Menurut cerita lisan informan, dalam serangan tersebut juga, alatan tradisional lain seperti gong dan perhiasan tradisional milik masyarakat Bidayuh Jagoi turut disamun oleh Panglima Bagat dan para pengayau. Serangan ini turut melibatkan kehilangan nyawa dan dikatakan sekitar 2,000 penduduk Bung Bratak terkorban dalam serangan Panglima Bagat ini. Serangan turut melibatkan golongan gadis dan kanak-kanak diculik dan dijadikan sebagai hamba abdi. Serangan ini menyasarkan harta, penculikan gadis dan kanak-kanak sebagai hamba dan hasil bumi seperti padi. Hasil yang disamun ini dibawa balik oleh Panglima Bagat dengan menaiki sebanyak 14 buah perahu *bangkong* ke Skrang.

Kejayaan Panglima Bagat dan pengikutnya diraikan dengan meriah oleh masyarakat Skrang kerana berjaya membawa harta dan hamba ke Skrang. Selaku tuan rumah di Skrang, *Apai Lanang* turut bangga dengan kejayaan panglima bagat lalu menyuruh penduduk kampung Skrang menjadikan tawanan hamba tersebut sebagai *ulun* dan dipaksa hidup bergaul dengan masyarakat Skrang. Kegiatan menindas golongan yang lemah ini merupakan perkara biasa dan menjadi amalan masyarakat Dayak Laut pada zaman dahulu bagi mengatasi kekurangan makanan seperti beras di kampung.

Berbalik kepada kawasan Bung Bratak, ketika kawasan yang dikenal dengan aman damai ini diserang, Panglima Kulow tidak berada di kampung kediamannya kerana beliau dan beberapa kaum lelaki yang lain sedang berhuma padi di kawasan lain. Ketika melihat langit yang menggumpal asap hitamnya, barulah mereka sedar berlaku sesuatu di kawasan kampung mereka dan mereka yakin asap yang menghitam ini berpunca daripada api.

Mereka pun bergegas ke kampung mereka dan apabila sampai di kawasan Bung Bratak, Panglima Bagat duduk terdiam dan terkedu kerana kampungnya yang aman damai telah diserang oleh Panglima Bagat. Paling menyedihkan, Panglima Kulow rebah kerana melihat jasad isterinya yang telah dibunuh oleh di kawasan jeti sungai berada tidak jauh daripada kawasan penempatan Bung Bratak. Setelah itu, Panglima Kulow mengajak penduduk kampung yang terselamat untuk menyertai pertemuan tergempar dan semua masyarakat bermuafakat untuk keluar merantau dan memohon pertolongan menyelamatkan ahli keluarga yang diculik. Setelah Panglima Kulow merantau bersama pengikutnya di Mempawah dan ke Sambas, tiada seorang pun yang mahu menyalurkan bantuan kepada beliau kerana Panglima Bagat merupakan sosok yang digeruni oleh masyarakat Dayak Laut.

Dikatakan, Panglima Kulow mengembara ke pelbagai tempat dan setiap tempat yang disinggahinya, pastinya Panglima Kulow meminta pertolongan. Panglima Kulow hampir berputus asa setelah memohon pelbagai pertolongan dan akhirnya James Brooke menyetujui membantu Panglima Kulow dan pengikutnya untuk menyelamatkan ahli keluarga yang diculik oleh Panglima Bagat. Hal ini menggembirakan dan menaikkan semangat dalam diri Panglima Kulow dan pengikutnya untuk menyelamatkan ahli keluarga mereka yang diculik oleh Panglima Bagat.

James Brooke memutuskan Panglima Sadam dan pahlawan yang lain untuk turut serta dalam ekspedisi ini. Tindakan ini dikatakan tindakan yang bermoral kerana James Brooke bersetuju untuk menyelamatkan nyawa rakyat di Bung Bratak yang telah dijadikan hamba

oleh Panglima Bagat. Pada masa yang sama, tindakan ini merupakan tindakan menentang kekerasan yang dilakukan oleh Ketua Kayau Dayak Laut Skrang pada ketika itu.

Menurut cerita lisan informan, sekitar tahun 1841, Panglima Sadam bersama pahlawan-pahlawan yang lain berangkat ke Skrang dan diikuti oleh James Brooke. Setelah tiba di Skrang, Panglima Sadam mengarahkan hulubalanganya untuk melakukan tindakan dengan tangkas dan tegas. Mereka mengepung dan melakukan serangan di perkampungan kediaman Dayak Laut Skrang itu sebagai tanda balas. Serangan itu merupakan satu serangan yang sengit disebabkan masing-masing angkatan perang mempunyai ilmu pertahanan diri. Akhirnya serangan ini berjaya menewaskan Panglima Bagat dan pengikutnya.

Tuai Rumah iaitu Apai Lanang turut tunduk di tangan Panglima Sadam dan beliau tidak dapat berbuat apa-apa. Justeru, Apai Lanang memohon ampun kepada Panglima Sadam dan James Brooke atas perbuatan dan kesan serangan yang dilakukan oleh Panglima Bagat. Apai Lanang turut bersetuju mengembalikan hamba atau tawanan yang diculik lalu dipulangkan kepada Panglima Kulow. Tidak semua mereka yang telah diculik mahu kembali ke Bung Bratak kerana ada di antaranya sudah mempunyai keluarga di Skrang.

Panglima Sadam dan angkatan perangnya kembali ke tempat asalnya dan golongan hamba yang ditawan oleh Panglima Bagat berjaya diselamatkan. Atas berlakunya peristiwa ini, wujudnya hubungan diplomasi antara penduduk suku *Urang Laut Kota Serak* (Kuching) dan penduduk di Bung Bratak. Peristiwa ini seterusnya menjadi sebuah peringatan peristiwa dan sering kali dirayakan setiap tahun bagi mengingati pengorbanan dan titik hitam yang berlaku di Bung Bratak.

### ***Tragedi Perang Beting Maro***

Menurut cerita lisan informan, pada tahun 1849, berlakunya peperangan yang digelar sebagai Perang Beting Maro. Peperangan ini menjadi pembuktian sejarah yang turut melibatkan Panglima Sadam dan angkatan perangnya menentang Libau, yang merupakan ketua Kayau Dayak Laut Skrang. Bagi pengikut Libau, kegiatan pelanunan dan pemburuan kepala manusia merupakan satu tradisi mereka. Tradisi ini dilakukan secara turun-temurun dan sudah menjadi kebiasaan dan kebanggaan bagi mereka yang berjaya memenggal kepala manusia.

Namun, bagi pihak Panglima Sadam, kegiatan ini adalah bercanggah dengan perikemanusiaan manusia dan Panglima Sadam berusaha bersungguh-sungguh menghapuskan tradisi pelanunan dan pemburuan kepala manusia. Keadaan di Sarawak ketika itu adalah tegang dan berwaspada kerana masyarakat yang lemah terpaksa berjaga-jaga daripada diburu oleh kelompok-kelompok lanun. Siapa sahaja yang tidak berwaspada pada ketika itu kerana kepala boleh sahaja dipenggal dan dibunuh tanpa mengira masa. Kegiatan memenggal kepala sekitar 1840-an merupakan kegiatan yang dilakukan oleh kelompok lanun. Bagi mereka, kejayaan memenggal kepala merupakan simbol kebanggaan dan kekuatan mereka.

Sikap kemanusiaan dan perjuangan yang mengalir dalam darah Panglima Sadam menjadikan beliau sebagai pejuang penting dalam membanteras aktiviti sebegini. Bagi beliau, tindakan Libau dan angkatan perangnya adalah tidak munasabah dan tidak berperikemanusiaan. Malahan, tindakan Libau dalam merencanakan lagi aktiviti perdagangan manusia di Sarawak turut menjadi faktor Panglima Sadam bertindak sedemikian. Gerakan menindas perbuatan yang tidak berhati perut ini bermula apabila James Brooke pada tahun 1841 mendapat jawatan sebagai pemerintah Sarawak yang digelar sebagai Tuan Raja.



## KESIMPULAN

Demi keselamatan dan keamanan negeri Sarawak, Panglima Sadam bukan setakat bertarung nyawa dalam membanteras kegiatan pelanunan dan aktiviti-aktiviti perhambaan yang dijalankan oleh pembesar kesultanan Brunei dan pengaruhnya terhadap suku Dayak laut namun beliau juga banyak membantu James Brooke dalam mempertahankan ketenteraman Sarawak supaya menjadi negeri yang bebas dari ancaman luar yang datang untuk mengambil kesempatan. Peranan beliau juga dilihat dengan pemberontakan pelombong Cina Hakka yang telah mengakibatkan huru hara dan pertumpahan darah di Bau.

Pada tahun 1857, muncul sebuah gerakan penentangan oleh masyarakat Cina yang diketuai oleh Liu Shan Bang yang merupakan pelombong emas di Bau. Mereka adalah daripada masyarakat Cina Hakka yang berasal dari Sambas dan telah berada di Sarawak sekitar tahun 1820-an lagi. Menurut Mansor dan Awang Pawi (2022) kedatangan kuasa Barat ke Alam Melayu bukan sahaja bertujuan menjajah tetapi mempengaruhi kehidupan mereka<sup>6</sup>. Kedatangan James Brooke di Sarawak ini telah mengubah kehidupan masyarakat Sarawak yang dicengkam oleh kepimpinan Brunei pada masa tersebut.

Golongan ini membuat kongsi sendiri yang dinamakan *San-Tiau Kou* dan *Ta-King*. Kedua-dua pertubuhan kongsi ini bersatu padu dengan mengusahakan lombong-lombong di Bau, Bidi, Paku dan Tandong. Semasa pemerintahan James Brooke, banyak urusan lombong-lombong antimoni dan emas diberikan kepada *Borneo Limited* iaitu sebuah syarikat yang menjadi hak milik kolonial Broke. Dasar ini tidak disenangi oleh kumpulan kongsi ini dan bermulalah penentangan daripada mereka. James Brooke tidak menggemari kesatuan kongsi-kongsi gelap Cina ini kerana dikatakan mereka seperti telah menubuhkan “*negeri di dalam negeri*” ketika itu. Kesatuan kongsi-kongsi gelap Cina ini dikatakan mempunyai sistem kehakiman tersendiri, membuat senjata, menggunakan mata wang sendiri malah mengibarkan bendera mereka sendiri dan bukan bendera *Sarawak Kingdom*. Hal ini menyebabkan Panglima Sadam rasa bertanggungjawab untuk mengekalkan keamanan negeri Sarawak disebabkan oleh ancaman luar.

---

<sup>6</sup> Rujuk lanjut penilaian terhadap posisi Broke, Kesultanan Brunei dalam pentadbiran kaum-kaum sebagaimana dibincangkan dalam Mansor, S., & Awang Pawi, A. A. (2022). Tumbuhnya kegiatan berorganisasi orang Melayu Sarawak dari zaman Brooke sehingga 1949. *Malaysia dari Segi Sejarah*, 51, 1-13. <https://ejurnal.psm.org.my/index.php/Malaysia-dari-segi-Sejarah/article/download/31/28>.

## **RUJUKAN**

- Bujang, S., Kadir, A. R. A., Yusuf, N., Hamrie, F., & Yon, W. A. W. (2022). Sejarah dan perkembangan pentadbiran Islam pada era pemerintahan Brooke di Sarawak. *Journal of al-Tamaddun*, 17(2), 53-70.  
<https://eprints.ums.edu.my/id/eprint/35415/1/24%20PAGES.pdf>
- Mansor, S., & Awang Pawi, A. A. (2022). Tumbuhnya kegiatan berorganisasi orang Melayu Sarawak dari zaman Brooke sehingga 1949. *Malaysia dari Segi Sejarah*, 51, 1-13.  
<https://ejurnal.psm.org.my/index.php/Malaysia-dari-segi-Sejarah/article/download/31/28>.